

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIEDI SUHAILI

TARIKH : 13 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAIEDI SUHAILI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan fokus dan hala tuju FELDA dan 'Felda Global Ventures (FGV) Holdings Berhad' di kawasan Felda Sampadi, Lundu, Sarawak dan bagaimana usaha yang lebih berdaya maju agar industri sawit di kawasan tersebut lebih signifikan dalam memacu ekonomi Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pasa masa sekarang, fokus dan hala tuju FGV Holdings Berhad (FGV) di kawasan FELDA Sampadi, Lundu, Sarawak adalah mengekalkan operasi sedia ada dalam aktiviti hulu dan pertengahan. Pada masa yang sama, FGV juga sedang melaksanakan aktiviti penanaman semula sawit menggunakan benih dan kaedah berkualiti tinggi bagi meningkatkan potensi hasil ladang dan juga kadar perahan minyak sawit.

Maklumat Tambahan:

1. Sehingga 31 Ogos 2021, seramai 390 orang warga tempatan FELDA Sampadi berkhidmat dengan FGV iaitu di operasi perladangan dan kilang sawit Sampadi. Warga tempatan tersebut berkhidmat dengan FGV Plantations (M) Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikat iaitu FGV Palm Industries Sdn. Bhd., FGV Security Services Sdn. Bhd., FGV Transport Services Sdn. Bhd. dan FGV Prodata.

2. Maklumat nilai pengeluaran (minyak sawit dan produk sampingan) kilang pemprosesan sawit Sampadi bagi tahun 2020 dan 2021 (sehingga Ogos) adalah seperti berikut:

- (i) Minyak sawit mentah (CPO) dan Inti sawit (PK)

Keluaran	2020	2021 (Sehingga Ogos)
CPO	RM122,738,275	RM105,860,508
PK	RM14,462,112	RM14,210,815
Jumlah	RM137,200,387	RM120,071,324

- (ii) Produk sampingan

Keluaran	2020	2021 (Sehingga Ogos)
<i>Sludge Oil</i>	RM1,966,130	RM2,062,410
<i>Palm Kernel Shell</i>	RM144,350	RM50,402
Jumlah	RM2,110,481	RM2,112,811

Secara kasarnya, 5% daripada nilai pengeluaran tersebut dikutip (melalui cukai jualan minyak sawit mentah) oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

3. Antara sumbangan kemudahan oleh FGV di kawasan FELDA Sampadi, Lundu adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan jalan tar berturap di Kampung Sg. Limo, Kampung Senibong, Kampung Perian, Kampung Selampit dan Kampung Bintokan sepanjang 30 km yang telah memberi faedah kepada penduduk setempat dalam urusan harian mahupun pemasaran hasil pertanian; dan
- (ii) menyediakan loji janakuasa elektrik sejak tahun 2018 di Kampung Sungai Limo bagi kemudahan penduduk setempat.

Disediakan oleh : Mohd Yusof Abdullah
Ketua Jabatan Khidmat Korporat
Bahagian Perladangan Huluan
Telefon : 019-820 9989

Disemak Oleh : Rahimi Hisan Wahid
Ketua Pegawai Eksekutif
FGVPM Sdn Bhd.
Telefon : 019-915 3455

Disemak Oleh : Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-2464028

Diluluskan Oleh : YBhg. Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral) – Memangku
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 03-8872 5595